



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**5 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Mutakhir ini, banyak isu yang berkaitan dengan industri, premis perniagaan yang tiada dalam senarai perkhidmatan perlu telah beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini.

Kerajaan sentiasa memandang serius mengenai isu-isu pelanggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) dan sebagainya.

Saya baru sahaja selesai mempengerusikan mesyuarat Strategi Pematuhan SOP COVID-19 hari ini bagi memastikan tindakan agensi penguatkuasaan dan pematuhan dalam kalangan pemilik premis perniagaan dan sektor perkilangan.

Task Force Operasi Pematuhan ini akan memfokuskan kepada pematuhan dan perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Sehingga 1 Jun 2021, beberapa kementerian telah mengambil tindakan ke atas kilang-kilang dan premis perniagaan yang melanggar perintah dan arahan PKP seperti beroperasi lebih waktu, beroperasi dengan lebih 60 peratus pekerja dan juga beroperasi walaupun telah diarahkan tutup.

Justeru, kerajaan telah membuka talian hotline bagi membolehkan orang ramai membuat aduan melalui Malaysian Government Call Centre (MyGCC) di talian 03-80008000, [80008000@mygcc.gov.my](mailto:80008000@mygcc.gov.my) atau emel ke [aduan.pematuhan.mkn.gov.my](mailto:aduan.pematuhan.mkn.gov.my).

## **PKPD Kampung Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang

Sehingga kini, sebanyak 22 kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 112 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 20%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang berkuat kuasa 7 Jun sehingga 20 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD beberapa lokaliti termasuk empat (4) rumah panjang di Batang Oya, Dalat, Sarawak**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan beberapa lokaliti termasuk empat (4) rumah panjang, satu (1) sekolah rendah dan satu (1) Klinik Kesihatan di Batang Oya, Dalat, Sarawak iaitu:

- Rumah Panjang anak Umba
- Rumah Panjang Tulu anak Sli
- Rumah Panjang Duah anak Entingi
- Rumah Panjang Balin anak Gema
- Sekolah Kebangsaan (SK) St Luke
- Klinik Kesihatan Nanga Baoh

Ketika ini, KKM mendapati berlaku peningkatan kes COVID-19 mendadak dalam tempoh satu minggu apabila 27 kes positif telah dilaporkan selepas saringan ke atas 40 orang penghuni rumah panjang di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti termasuk empat (4) rumah panjang di Batang Oya, Dalat, Sarawak berkuat kuasa 7 Jun sehingga 20 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD Asrama Pekerja Kilang Eco Medi Glove, Jalan Tembaga Kuning, Mukim Taiping, Perak**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Asrama Pekerja Kilang Eco Medi Glove melibatkan Blok A, B, C dan D di Jalan Tembaga Kuning, Mukim Taiping, Perak.

Sehingga kini, sebanyak 75 kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 230 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM dengan kadar kebolehhjangkitan yang ditinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Kilang Eco Medi Glove melibatkan Blok A, B, C dan D di Jalan Tembaga Kuning, Mukim Taiping, Perak berkuat kuasa 7 Jun sehingga 20 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD 2 perkampungan dalam Mukim Ulu Kinta, Perak**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) perkampungan dalam Mukim Ulu Kinta, Perak iaitu:

- Kampung Jelapang Baru
- Kampung Sungai Tapah

KKM mendapati kadar positifiti di kedua-dua perkampungan ini adalah tinggi dengan empat (4) kes telah dilaporkan di Kampung Jelapang Baru selepas 93 orang penduduk disaring manakala di Kampung Sungai Tapah, 30 orang disaring, 11 daripadanya positif COVID-19.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD 3 perkampungan di Tawau, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) perkampungan dalam daerah Tawau, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Blok 31
- Kampung Sentosa, Blok 5, Hilltop
- Kampung Bukit Kukusan, Tanjung Batu

Sebanyak 31 positif telah direkodkan di Kampung Blok 31 hasil saringan ke atas 75 orang penduduk, lapan (8) kes positif pula dicatatkan di Kampung Sentosa, Blok 5, Hilltop selepas 10 penduduk disaring.

Manakala, terdapat 10 kes positif di Kampung Bukit Kukusan, Tanjung Batu hasil daripada keseluruhan 27 ujian saringan dijalankan di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 7 Jun sehingga 20 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD FELDA Umas 4, Kalabakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di FELDA Umas 4, Kalabakan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 12 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19 dengan kadar positiviti direkodkan ialah 83.33%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Umas 4, Kalabakan, Sabah berkuat kuasa 7 Jun sehingga 20 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

## **PKPD Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam tempoh singkat iaitu 18 kes positif telah direkodkan hasil daripada 59 ujian saringan dengan kadar positifiti 30.51%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah berkuat kuasa 7 Jun sehingga 20 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan ini.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

### **Penamatan PKPD Silimpohon Mill dan Silimpohon Estate, Kalabakan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Silimpohon Mill dan Silimpohon Estate, Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 6 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 1,193 ujian saringan dan 180 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Silimpohon Mill dan Silimpohon Estate, Kalabakan, Sabah pada 6 Jun 2021 seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kampung Melikai, Kuala Penyu, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Melikai, Kuala Penyu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 6 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 361 ujian saringan dan 29 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Melikai, Kuala Penyu, Sabah pada 6 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Taman Perumahan dan Perkampungan Sekitar Gau, Temerloh, Pahang**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Perumahan dan Perkampungan Sekitar Gau, Temerloh, Pahang yang dijadualkan tamat pada 6 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 1,649 ujian saringan dan 101 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Perumahan dan Perkampungan Sekitar Gau, Temerloh, Pahang pada 6 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Walau bagaimanapun, memandangkan lokaliti ini berada dalam Mukim Bangau, Temerloh ia tertakluk dengan pelaksanaan PKPD di mukim tersebut.



## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 80,463 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 5,069 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,710 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 952 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 870 individu dikompaun, 81 direman manakala seorang lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (252)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (176)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (116)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (110)
- Membawa penumpang berlebihan (98)
- Tiada penjarakan fizikal (84)
- Premis gagal patuhi arahan (10)
- Lain-lain (106)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 16 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas lapan (8) buah bot/kapal.

Sebanyak 228 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lapan (8) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 939 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 887 SJR
Op BENTENG PDRM	- 43 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 201 operasi sanitasi meliputi 70 zon merah dan zon kuning (5) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 846 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 228 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 129 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 26,531 operasi sanitasi merangkumi 156 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 869 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 218,914 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 75 hotel dan 12 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,707 individu telah dikuarantin dan 207,801 orang dibenarkan pulang manakala 2,397 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 692 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (511), pemborong (151) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,646 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,642 premis mematuhi SOP manakala empat (4) lagi dikompaun.

## **Saringan Wajib Pekerja Warga Asing**

Semalam, seramai 62 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,332 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,159 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,330 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,002 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**